

19/08/1998

Media diminta beri laporan seimbang

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta media tempatan memberi laporan seimbang yang boleh membantu ke arah pemulihan ekonomi negara.

Ketika ini, kata Perdana Menteri, media asing pula lebih cenderung menyiarkan laporan yang menyerang pedagang mata wang George Soros dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Media tempatan tidak memberi laporan seimbang dan adil kepada negara kita. Kedudukan ekonomi kita sememangnya tidak begitu baik, tetapi orang di Malaysia masih boleh hidup sempurna.

"Tidak ada penggangguran yang banyak ... adalah sikit-sikit tetapi tidak sampai berjuta-juta. Ini adalah bukti kepada pembetulan yang dibuat kepada polisi kita. Tetapi sekali lagi tiada sebarang laporan daripada akhbar," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan perpaduan sempena Hari Pekerja di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, media tempatan perlu lebih banyak melaporkan mengenai perkara sebenar yang berlaku dalam ekonomi dunia, terutama peranan spekulator mata wang seperti Soros dan IMF.

"Sekarang media asing mengakui apa yang kita katakan dulu (mengenai Soros dan IMF) benar, tetapi media kita sendiri jarang membuktikan perkara ini.

"Sekarang ini banyak serangan terhadap Soros dalam akhbar-akhbar asing, tetapi kita tidak nampak dalam media kita. Serangan IMF pun banyak (dilaporkan asing)," katanya.

Menurut Perdana Menteri, media boleh membantu memulihkan ekonomi dan mengelak daripada menggunakan sumber tidak diiktiraf seperti Clob International, sebuah dagangan saham tidak rasmi, sebagai pusat rujukan.

"Perniagaan Clob umpamanya adalah satu perniagaan yang tidak menguntungkan Malaysia sama sekali, tetapi akhbar-akhbar tempatan menyiarkan harga saham mengikut Clob... sedangkan ia bukan pasaran legal dalam negara kita.

"Saya tidak tahu mengapa media menggunakannya," kata beliau.

Mengenai Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) Singapura yang tidak membenarkan pekerja Malaysia dari Semenanjung mengeluarkan wang simpanan mereka, Dr Mahathir sekali menegaskan tindakan itu tidak diiktiraf dunia.

"Kenapa mengasingkan Semenanjung, undang-undang biasanya sama tetapi dia (Singapura) membuat perbezaan mengikut wilayah yang tidak diiktiraf dunia ... sedangkan dunia mengiktiraf Malaysia sebagai (terdiri daripada) Semenanjung, Sabah dan Sarawak," katanya.

(END)